

Utusan

PENYEBAR FIKIRAN RAKYAT

MALAYSIA

www.utusan.com

■ RM1.50
SEMENANGUNG

■ RM2.00
SABAH/SARAWAK

MUKA 20 - UTUSAN MALAYSIA

JUMAAT 14 JANUARI 2011

Bisnes
biznes@utusan.com.my Faks 03-9223 0957



FBM-KLCI
↑ (+5.07) mata
1,571.56

Bursa Utama Dunia
SINGAPURA
Straits Times ↑ (+10.93) mata
3,255.87

TOKYO
Nikkei ↑ (+76.96) mata
10,589.80

NEW YORK
Dow Jones ↑ (+83.56) mata
11,755.40

➤ 13 JANUARI 2011
Pertukaran mata wang asing
berbanding ringgit

AMERIKA
\$ 3.0520/0560

JEPUN
¥ 3.6718/6788

SINGAPURA
\$ 2.3675/3712

STERLING
£ 4.8038/8114

EURO
€ 4.0103/0177

Tawar kemudahan skim gadaai janji hartanah di UK

KUALA LUMPUR 13 Jan. - Malayan Banking Bhd. (Maybank) merupakan bank tempatan pertama yang menawarkan kemudahan skim gadaai janji luar negara dalam ringgit untuk pembelian hartanah di London, United Kingdom (UK).

Kemudahan gadaai janji dalam ringgit itu akan membiayai hartanah kediaman dan komersial yang telah siap atau dalam pembinaan di Zon 1 hingga Zon 3, meliputi kawasan seperti pusat bandar London, Westminster, Knightsbridge, Kensington dan Chelsea.

Ciri-ciri utama skim tersebut termasuk, pembayaran balik dalam ringgit, margin tinggi pembiayaan sehingga 85 peratus, pembayaran semula fleksibel dan tempoh panjang sehingga 30 tahun atau usia 70 tahun yang mana lebih dahulu.

Timbalan Presiden dan Ketua Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Lim Hong Tat berkata, skim tersebut menawarkan pen-



jimatan besar kepada pelanggan dengan cadangan unik bagi pinjaman inovatif, rakyat Malaysia dapat membeli hartanah di London dengan pinjaman dibuat di Malaysia.

"Meminjam dalam ringgit akan melindungi pelanggan dari turun naik nilai mata wang bagi pembayaran semula pinjaman bulanan dan penjimatan kerana pound sterling dijangka melonjak tahun ini berbanding ringgit.

"Kami menjangkakan agihan pembiayaan sebanyak RM60 juta dalam tempoh enam bulan akan datang," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini hari ini.

Pada masa ini, rakyat Malaysia membeli hartanah di London perlu mendapat pem-

biayaan dari bank UK dan membayar semula di dalam pound sterling, oleh itu mereka terdedah kepada turun naik kadar mata wang asing.

Pembiayaan dari bank UK untuk rakyat Malaysia pada masa ini hanya untuk tujuan belian dan sewa, bermakna hartanah untuk tujuan pelaburan dan bukan sebagai hak milik sendiri.

Hong Tat berkata, kemudahan tersebut ditawarkan dalam bentuk pinjaman terma, overdraf atau gabungan pinjaman terma dan overdraf.

Tambah Hong Tat, nilai hartanah di London dan luar negara dijangka memuncak sebelum April 2011 apabila cukai jualan sebanyak lima peratus akan dikenakan kepada hartanah bernilai lebih pound sterling 1 juta (RM4.79 juta).

"Penguatan ringgit berbanding sterling juga merupakan faktor yang akan menggalakkan rakyat Malaysia untuk

membeli sebelum jangkakan kenaikan pada separuh kedua tahun ini.

"Skim gadaai janji itu direka untuk pelanggan dengan pendapatan tinggi kerana mereka menunjukkan minat hartanah di Eropah ekoran kadar tukaran asing yang baik, selain mempunyai anak yang belajar di UK," jelasnya.

Selain itu, Hong Tat berkata, produk terbaru ini juga dapat membantu Maybank untuk meningkatkan pembiayaan rumah mereka melebihi 13 peratus untuk tahun kewangan ini berbanding sebelumnya.

Katanya, ia melambangkan kedudukan Maybank sebagai peneraju dan bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan dan produk di peringkat global.

Rakyat Malaysia yang berminat, boleh mengunjungi cawangan-cawangan Maybank di Malaysia termasuk pejabat luar negara mereka di London.

Bursa Malaysia 10 Saham Paling Cergas

KAUNTER	JUALAN DAGANGAN (juta)	HARGA TUTUP (sen)
KBUNAI	110.425	22.5 + 1.5
SAAG	107.414	13.5 + 0.5
COMPUST	94.981	7 K
TEBRAU	78.354	94.5 + 12
DAYA	72.255	27.5 + 1.5
BORNOIL	63.617	64.5 + 9.5
MAXBIZ	55.464	22 + 4.5
HWGB	54.586	44 + 3
RAMUNIA	49.704	69 + 2.5
SCOMI	39.875	41.5 K

Kontrak RM1b milik Suria Capital

KUALA LUMPUR 13 Jan. - Anak syarikat milik penuh Suria Capital Holdings Bhd., SCHB Engineering Services Sdn. Bhd., dan anggota konsortiumnya memperoleh kontrak RM1 bilion daripada Kimanis Power Sdn. Bhd.

Dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia hari ini, Suria Capital berkata, kontrak itu ialah untuk projek kejuruteraan, pemolehan, pembinaan dan penagasan Projek Loji Tenaga Gabungan Gas Turbin 300MW di Kg Batu Pungit, Kimanis, Papar di Sabah.

Tempoh pembinaannya ialah kira-kira tiga tahun, katanya.

Anggota konsortium SCHB Engineering ialah CTCI Corporation, CTCI Overseas Corporation Limited, CTCI Malaysia Sdn. Bhd. dan Steamline (Malaysia) Sdn. Bhd.

"Kontrak itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan SCHB Engineering bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

"Kontrak itu dijangka diperluaskan oleh SCHB Engineering dan anggota konsortium dengan Kimanis Power dan tidak memberikan sebarang risiko kewangan kepada Suria Capital," kata syarikat itu. -BERNAMA

Park Jae Yoo terajui LG

Setiap projek mega beri pulangan jika diurus dengan baik

Menara Warisan dijangka laris

Oleh FAIRUS KASSIM
biznes@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Jan. - Semua ruang pejabat dan komersial di Menara Warisan setinggi 100 tingkat dijangka tidak mempunyai sebarang masalah untuk dipasarkan apabila ia siap dibina, kata Perunding Hartanah, Rahim & Co. Chartered Surveyors Sdn. Bhd. (Rahim & Co).

Pengerusi Eksekutifnya, Senator Datuk Abdul Rahim Rahman berkata, beliau percaya perancangan pembinaan menara itu tidak dilakukan secara tergesa-gesa tanpa sebarang kajian dilakukan.

Menurutnya, setiap projek mega pasti mendatangkan pulangan yang berbaloi jika diuruskan dengan baik dan begitu juga dengan menara tersebut.

"Mungkin menara itu dibina beberapa tahun lagi, tetapi saya yakin permintaan terhadapnya tetap tinggi kerana ekonomi negara semakin berkembang ketika ini.

"Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilaksanakan kerajaan ketika ini telah meningkatkan pertumbuhan sektor perniagaan dan sudah pasti permintaan terhadap

Saya pasti projek berkenaan akan dilaksanakan jika pemiliknya benar-benar yakin ketika itu permintaan terhadapnya berada di peringkat tertinggi

- ABDUL RAHIM RAHMAN
Pengerusi Eksekutif Rahim & Co. Chartered Surveyors Sdn. Bhd.



ruang pejabat juga akan meningkat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akh-

bar mengenai peluang Pasaran Hartanah Malaysia 2011, di sini hari ini.

Menara warisan merupakan projek yang

akan dibangunkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sebelah Stadium Merdeka dengan kos sebanyak RM5 bilion.

Perilaksanaan projek tersebut menjadi pertikaian sesetengah pihak kerana beranggapan menara berkenaan bakal menjadi projek gajah putih dan membazirkan wang rakyat.

Abdul Rahim berkata, projek-projek lain seperti pembangunan tanah di Sungai Buloh, Pusat Konvensyen Naza, pembukaan pusat komersial dan pembangunan semula Lapangan terbang Sungai Besi juga memberi impak positif kepada ekonomi negara.

Katanya, pemilik menara itu mempunyai perancangan tersendiri mengenai Menara Warisan dan segala tanggapan negatif mengenai pembinaannya adalah perkara biasa.

"Saya pasti projek berkenaan akan dilaksanakan jika pemiliknya benar-benar yakin ketika itu permintaan terhadapnya berada di peringkat tertinggi.

"Mungkin tahun ini atau mungkin lima tahun lagi menara tersebut akan dibina," ujarnya.